

'Kenyataan saya, milik saya' - Dr Mahathir tidak peduli jika India anggap beliau salah
AstroAwani
21 Disember 2019
Firdaus Azil

KUALA LUMPUR: Terpulang kepada Kerajaan India untuk mengatakan pandangan beliau salah, namun Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terus bertegas bahawa undang-undang baharu mengenai kerakyatan negara itu adalah tidak adil.

Beliau mengeluarkan kenyataan berkenaan susulan reaksi New Delhi bahawa Malaysia tidak harus mencampuri urusan dalaman negara lain.

Dr Mahathir berkata, pandangan yang dikeluarkan itu adalah milik beliau, dan terpulang kepada media untuk mempercayai siapa.

“(Kenyataan India) itu pandangan mereka, kenyataan saya ,milik saya. Terpulanglah anda hendak percaya saya atau yang lain, anda adalah media,” katanya kepada sidang media selepas selesai Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 (KL Summit 2019) di sini hari ini.

Baru-baru ini Dewan Rakyat dan Dewan Negara India meluluskan undang-undang kewarganegaraan, yang dilihat bersifat diskriminasi terhadap orang Islam. Menurut laporan media, pendatang dari Pakistan, Bangladesh, dan Afghanistan dibenarkan memiliki kewarganegaraan India, dengan syarat, mereka bukan penganut agama Islam.

Semalam, Dr Mahathir dilaporkan berkata, situasi itu adalah menyedihkan memandangkan India selama ini mendakwa mereka adalah negara sekular.

“Jika kita lakukan perkara itu di negara ini, sudah pasti akan timbul kekacauan, ketidakstabilan, dan ramai orang akan menderita.

“Sudah ramai yang mati (akibat undang-undang India itu), jadi mengapa ada keperluan untuk berbuat demikian sedangkan hampir 70 tahun mereka hidup bersama-sama tanpa sebarang masalah,” ulasnya lagi.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kenyataan-saya-milik-saya-dr-mahathir-tidak-peduli-jika-india-anggap-beliau-salah-225919>